

**SULIT**  
1103/1  
Bahasa Melayu  
Kertas 1  
Ogos  
2012  
2 ¼ jam

1103/1



## **PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012**

---

**ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN NEGERI PERLIS**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

Dua jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

[Lihat sebelah

1103/1

SULIT

2

1103/1

### Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang nilai murni yang harus diamalkan oleh remaja dalam kehidupan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

#### AMALAN NILAI MURNI



1103/1

SULIT

3

1103/1

### Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Remaja memberikan sumbangan penting untuk mengharumkan nama sekolah. Sebagai remaja, jelaskan cara-cara yang dapat anda lakukan untuk mengharumkan nama sekolah.
2. Kempen galakan membaca yang dijalankan saban tahun masih gagal untuk menjadikan budaya membaca sebagai amalan hidup masyarakat di negara ini.

Huraikan tanggungjawab sesebuah keluarga untuk memupuk amalan tersebut.

3. Amalan berjimat cermat perlu disuburkan dalam kalangan masyarakat untuk menghadapi krisis ekonomi pada masa ini.

Tulis sebuah rencana tentang peranan pelbagai pihak untuk mewujudkan amalan berjimat cermat.

4. Kerjasama Malaysia dengan negara-negara jiran amat diperlukan untuk memerangi jenayah pemerdagangan manusia yang kini telah menjadi isu global.

Bincangkan pernyataan tersebut.

5. Perumpamaan 'bagai menatang minyak yang penuh' bermaksud ibu bapa yang mendidik anak-anak dengan penuh perhatian dan kasih sayang tanpa berbelah bagi.

Tulis sebuah cerpen bertemakan maksud perumpamaan tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

1103/1

SULIT  
1103/2  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Ogos  
2012  
2 ½ jam

1103/2



## PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

---

ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN NEGERI PERLIS

---

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

1103/2

[Lihat sebelah  
SULIT

## Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

**Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang punca-punca obesiti dalam kalangan murid dan langkah-langkah mengawalinya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (LPKM) menjangkakan sebanyak 30 peratus rakyat akan mengalami obesiti pada tahun ini. Ketua Pegawai LPKM, Dr. Yahya Baba menyatakan bahawa angka itu menunjukkan *peningkatan yang ketara* berbanding tahun-tahun sebelum ini, dan jika tahap kesedaran mengenainya tidak diberi perhatian secara serius, peratusannya mungkin bertambah. Statistik menunjukkan obesiti dalam kalangan orang dewasa negara ini meningkat mendadak dalam tempoh 10 tahun dari 1996 hingga 2006 dan senario ini membimbangkan pelbagai pihak.

Masalah obesiti dalam kalangan murid sekolah tidak seharusnya dikaitkan dengan pengambilan nasi lemak di kantin sekolah semata-mata. Obesiti disebabkan oleh pelbagai punca dan amat tidak wajar menuding jari kepada satu-satu jenis makanan yang menyumbang kepada masalah tersebut. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi, pengambilan makanan segera seperti piza, burger dan sebagainya di luar sesi persekolahan dan di rumah turut menjadi punca kegemukan. Selain makanan segera, ada juga kalangan murid yang membeli makanan ringan di luar pagar sekolah yang sememangnya tidak membawa sebarang khasiat. Secara umum, obesiti membabitkan pengambilan makanan berlebihan dan kurang melakukan aktiviti fizikal. Aspek pemakanan kanak-kanak perlu diberi perhatian sejak mereka dalam kandungan lagi. Kajian mendapati pertambahan berat badan ketika ibu mengandung juga merupakan satu daripada faktor penyebab obesiti kanak-kanak.

Perkembangan teknologi pada masa ini turut mempengaruhi kecenderungan kanak-kanak mengisi masa yang ada. Hal ini menyebabkan mereka lebih gemar melakukan aktiviti di dalam rumah yang mengehadkan pergerakan mereka seperti menonton televisyen dan bermain komputer selain permainan elektronik. Perubahan persekitaran sosial termasuk kesibukan ibu bapa bekerja yang tidak memantau pemakanan anak-anak menyebabkan anak-anak mengalami masalah obesiti dan kesihatan. Kita juga harus melihat perspektif yang lebih luas termasuk industri makanan yang menjadikan kanak-kanak sebagai sasaran pemasaran dengan menampilkan label makanan yang menarik di samping menawarkan pelbagai hadiah iringan. Pengaruh iklan terhadap kanak-kanak sudah banyak dikaji dan banyak negara telah mengharamkan kempen atau pengiklanan makanan yang kurang berkhasiat.

Selain pemakanan, obesiti turut dikaitkan dengan faktor genetik. Buktinya, ada individu yang mengadu bahawa mereka mengalami masalah kegemukan walaupun mengawal tabiat pemakanan. Secara tuntas, satu pendekatan yang menyeluruh perlulah diambil untuk menangani masalah tersebut. Kita kluatir jika langkah segera tidak diambil, generasi akan datang berdepan dengan pelbagai masalah kesihatan.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
'Obesiti Murid, Perlu Pemantauan Serius'  
oleh Hj. Samat Buang,  
*Fokus SPM*, Jun 2011)

SULIT

3

1103/2

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *peningkatan yang ketara*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan bukti yang menunjukkan masalah obesiti membimbangkan pelbagai pihak. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan obesiti terhadap murid-murid? [4 markah]

1103/2

SULIT

SULIT

4

1103/2

**Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Mak Timah dengan badan yang lemah tidak bermaya mengheret dia ke bilik air. Dia akan dibersihkan, dicebokkan, dan dimandikan. Saban waktu Mak Timah melakukan tugas ini dia akan merungut kecil. Sebenarnya dia bukanlah baru berumur setahun dua, tetapi dilahirkan pada tahun 1957, kini telah berusia dua puluh empat tahun. Sudah anak dara jika dia tidak cacat. Kecacatannya amatlah menyedihkan. Dia pekak, bisu, dan tidak mengerti apa-apa. Makan tidak tahu sendiri, berak kencing di situ. Bahkan jika tidak diberi makan pun dia tidak tahu cara hendak menyuapkan makanan ke mulut.

Mak Timah yang sedang sakit, terpaksa membersihkannya. Dengan termengah-mengah, Mak Timah menguruskan juga tugasnya menjaga dia yang tidak dapat bertindak apa-apa. Jika tidak dibersihkan akan sehari suntuklah dia dalam kekotoran. Sehari suntuklah dia akan berendam dengan air kencing, bergelumang dengan najisnya sendiri. Kadang-kadang Mak Timah hairan memikirkan nasib dia. Mak Timah memberi dia nama gelarannya Pungut. Nama sebenarnya ialah Zahara, manakala nama asalnya ialah Yap Siew Hong. Mak Timah hairan memikirkan keadaan bentuk fizikal Pungut. Sangat kecil, sangat halus. Menurut kata doktor, semasa Pungut masih bayi dahulu, Pungut hanya boleh hidup dalam jangka masa satu atau dua tahun. Pungut tidak boleh hidup lama, kata doktor, kerana seluruh organ dalam tubuhnya amat halus dan kecil. Jantungnya kecil, perutnya kecil, seluruh pernafasannya kecil, tetapi kuasa Tuhan, doktor bukan Tuhan, ramalan doktor salah. Kini Pungut telah berusia dua puluh empat tahun. Tuhan berkuasa atas segala-galanya.

(Dipetik daripada 'Pungut alias Zahara alias Yap Siew Hong' dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, DBP, 2009)

- (i) Mengapakah doktor meramalkan Pungut tidak boleh hidup lama? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, wajarkah Mak Timah memelihara Pungut? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Mak Timah yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** perwatakannya yang lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

1103/2

SULIT

SULIT

5

1103/2

**Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka sembah Indera Jenaka itu, "Ya tuanku, adapun Si Piatu itu bukankah akan namanya benar dan namanya yang benar Indera Nata kerana sekalian mergastua yang di dalam hutan menyebut namanya Indera Nata. Arakian maka adalah Indera Nata itu sudahlah ia menyeberang lautan dibawa oleh lembur kehendaknya ke negeri Pattani, ya Tuanku Syah Alam. Adapun Indera Nata itu terlalu sekali beraninya dan beberapa ia bertemu dengan *mergastua yang buas-buas* itu pun tiada memberi bahaya akan dia dan jika tiada dengan Indera Nata itu nescaya matilah hamba dimakan oleh segala binatang. Maka hamba pun terlalu sekali hairan melihat kelakuannya itu kerana sangat ia berani dengan segala binatang itu adalah ia berkata-kata seperti ia berkata dengan manusia juga. Maka hamba pun terlalu takut melihat kelakuannya itu."

Hatta maka raja pun hairan mendengar ceteranya Indera Nata itu, "Wah, anak siapakah gerangan itu maka terlalu ia sangat beraninya dan bijaksana itu!"

Syahadan maka tersebutlah perkataannya Indera Nata berjalan itu. Maka ia pun bertemulah dengan sebuah bukit terlalu amat tinggi daripada segala bukit yang lain itu. Maka ia pun naiklah ke atas gunung itu. Maka Indera Nata pun melihat sebuah rumah terlalu tingginya itu.

(Dipetik daripada 'Hikayat Indera Nata' dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *mergastua yang buas-buas*? [2 markah]
- (ii) Nyatakan keistimewaan-keistimewaan Indera Nata. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Indera Nata, bagaimanakah anda menggunakan kekuatan anda untuk membantu rakyat jelata? [3 markah]

1103/2

SULIT



SULIT

6

1103/2

**Soalan 2 (d) - Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Harga Remaja**

Berapakah sebenarnya harga remaja  
yang bersih  
dari gelodak kecewa  
bagai kehijauan daun  
bagai kesegaran pohon  
di pinggir perjalanan ini?

Dengan apakah akan kau penuhi  
piala remajamu  
adakah cuka kesangsian  
dari cinta murah  
atau madu ajaran  
dari ilmu susah?

Remaja amat mahal  
sesungguhnya  
tiada terbeli oleh perjanjian  
harga remaja adalah  
pendirian  
keberanian dan ilmu.

Penuhilah remajamu  
dengan ketentuan tuju.

Rahman Shaari  
*Langit di Tangan*, 1995  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan sajak di atas, apakah ciri-ciri seorang remaja yang berharga? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang perlu anda lakukan agar tidak terlibat dalam gejala sosial? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

1103/2

SULIT

SULIT

7

1103/2

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap kata dalam pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan perbezaan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) laga - melagakan
- (ii) kabur - mengaburkan
- (iii) diam - mendiamkan

[6 markah]

(b) **Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.**

- (i) Kerajaan menyeru semua kakitangan awam supaya berjimat cermat ketika berbelanja.
- (ii) Sebelum pulang kamu mesti memadamkan semua lampu dan kipas.
- (iii) Mangsa banjir Kampung Bendang Sepuluh itu memohon bantuan kewangan sebanyak RM500 daripada ADUN kawasan berkenaan.

[6 markah]

(c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Pihak pengurusan pasar raya itu memperkenalkan tiket pra-bayar untuk kemudahan pengunjung meletakkan kenderaan di premis tersebut.
- (ii) Dia tetap memegang pada adat dan budaya timur walaupun berada di luar negara lebih daripada dua puluh tahun.
- (iii) Hubungan antara bangsa yang dijalin erat membolehkan negara dikenali seantero dunia.

[6 markah]

1103/2

SULIT

8

1103/2

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Bantuan rakyat 1Malaysia ialah untuk membantu golongan yang berkemampuan rendah.
- (ii) Beberapa buah rumah-rumah rosak teruk dan pokok rebah akibat ribut yang melanda kawasan itu.
- (iii) Lima hakim telah mengadakan Pertandingan Bahas Bahasa Melayu Ala Parlimen Peringkat Negeri.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan satu peribahasa lain yang sama maksudnya dengan peribahasa yang berhuruf tebal dalam ayat-ayat tersebut.*

- (i) Segala nasihat yang diberikan **seperti hujan jatuh ke pasir** kerana tidak sedikit pun berbekas di hati Junid.
- (ii) Apabila hujan berlarutan, keadaan penduduk di kawasan tanah tinggi itu **seperti abu di atas tunggul** kerana diancam tanah runtuh.
- (iii) Kemenangan pasukan Rumah Merah itu **umpama orang mengantuk disorongkan bantal** kerana mereka memang mengharapkannya sejak awal pertandingan lagi.

[6 markah]

1103/2

SULIT

SULIT

9

1103/2

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) PAPA... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) RENYAH karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohd. Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(a) Jelaskan **tema** berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu latar tempat** daripada setiap novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

1103/2

SULIT